

# Anwar syor empat bidang kerjasama perluas kolaborasi

**Tokyo:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan empat bidang kerjasama bagi memperluas dan memperdalamkan kolaborasi dalam ASEAN untuk memperkasakan rakyatnya supaya berdaya tahan dan lebih mampu menangani cabaran masa depan.

Beliau menjelaskan kepada pemimpin ASEAN dan Jepun selaku tuan rumah Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun di sini semalam, empat bidang itu ialah kesihatan awam, pengawalan iklim, pengurusan bencana dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Dalam ucapan semasa Agenda 3 sidang kemuncak berkenaan, Perdana Menteri berkata, belajar daripada pandemik COVID-19, ASEAN dan Jepun mesti terus berwaspada terhadap krisis kesihatan masa hadapan.

Dalam hal ini, ketika rantau ini bergerak ke arah mengope-

rasikan Pusat ASEAN untuk Kecemasan Kesihatan Awam dan Penyakit Memuncul, Perdana Menteri berkata, Malaysia mencadangkan agar negara anggota ASEAN dan Jepun menempatkan penyelidik di pusat itu.

“Kita harus mengumpul penyelidik daripada pelbagai latar belakang, pengalaman dan pengetahuan bagi membentuk satu pasukan yang boleh membantu menangani cabaran kesihatan masa hadapan dengan lebih baik,” katanya.

## Majukan strategi mitigasi

Mengenai pengawalan iklim, Anwar berkata, ASEAN dan Jepun harus terus bekerjasama rapat untuk memajukan strategi mitigasi dan penyesuaian serantau dan nasional kerana melambatkan perkara itu akan memburukkan lagi kesan perubahan iklim yang tidak dapat dipulih-

kan semula.

“Ini satu realiti yang telah dialami oleh sesetengah pihak,” katanya sambil menambah, ASEAN dan Jepun harus mengambil kira keputusan penting COP28, terutama mengenai pengiraan stok global, matlamat global untuk adaptasi dan dana kerugian dan kerosakan.

“Saya mengalu-alukan komitmen awal Perdana Menteri Kishida (Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida), sebanyak AS\$10 juta untuk perkara itu dan saya menggalakkan Jepun untuk melakukan lebih lagi dalam membantu negara membangun dengan peralihan tenaga secara adil, teratur dan saksama,” katanya.

Katanya, rantau menyaksikan peningkatan dalam kejadian cuaca ekstrem, daripada kemarau hingga banjir dan tanah runtuh, yang memerlukan tindakan

bidang ketiga, iaitu pengurusan bencana dan atas sebab itu, Malaysia menghargai sumbangan Jepun untuk mengoperasikan Pusat Penyelaras ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan Pengurusan Bencana (Pusat AHA).

Perdana Menteri mencadangkan kerjasama lebih mendalam dengan Jepun dalam usaha berterusan untuk menubuhkan Pusat Bantuan Bencana Kekal, memanfaatkan pengalaman dan kepakaran luas negara itu dalam pengurangan risiko bencana.

Dalam menyatukan rakyat di rantau ini, katanya, Malaysia menghargai inisiatif Jepun seperti JENESYS1, yang membantu merapatkan jurang budaya dan memupuk rasa identiti bersama, menegaskan penting untuk program itu kembali kepada format asal bersemukanya untuk interaksi bermakna dalam kalangan pelajar dan belia.

Di pihak Malaysia, Anwar berkata, ia akan menggalakkan pelajar dari semua negara anggota ASEAN ke kampus cawangan Universiti Tsukuba Jepun di Malaysia untuk melanjutkan pelajaran peringkat tinggi mereka.

Katanya, Malaysia juga mengalu-alukan inisiatif baharu Jepun, ‘Perkongsian untuk Mencipta Masa Hadapan Bersama dengan Generasi Akan Datang’.

Berikutan cadangan itu, pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak berkenaan menerima pakai kenyataan visi dan pelan pelaksanaan yang memberi tumpuan kepada kerjasama masa depan di bawah tema penciptaan bersama pada akhir sidang kemuncak itu.

Sidang kemuncak peringatan itu dipengerusikan bersama Kishida, selaku tuan rumah dan Presiden Indonesia, Joko Widodo.

BERNAMA